

07 JUL 1996
Umno-Senarai
UMNO UMUM SENARAI 205 CALON

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Ibu Pejabat UMNO hari ini mengumumkan senarai nama 205 orang calon untuk pelbagai jawatan dalam barisan pucuk pimpinan parti itu yang akan mengadakan pemilihannya Oktober ini.

Senarai itu termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bagi jawatan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi jawatan Timbalan Presiden walaupun kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat yang mengumumkan senarai itu berkata nama-nama Dr Mahathir dan Anwar juga disenaraikan untuk mendapat pengesahan daripada bahagian.

Beliau berkata daripada 208 orang yang telah mendaftar untuk dicalonkan, lima orang menarik diri.

Mereka ialah bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff dan Puan Ainon Khairiyah Datuk Mohd Abas, bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi parti; Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Ayob bagi jawatan Pengerusi Tetap Pemuda; Haji Mustapha Yaakub bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda dan Anggota Exco Negeri Pahang Datuk Shahiruddin Abdul Moin bagi jawatan Naib Ketua Pemuda.

Dengan penarikan diri itu jumlah mereka yang mengesahkan untuk bertanding bagi jawatan Majlis Tertinggi ialah 77 orang, kata Mohamed semasa memberi taklimat kepada Setiausaha-setiausaha UMNO Bahagian.

Katanya, Megat Junid bagaimanapun mengesahkan untuk bertanding bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda dan bagi kerusi MT.

Mohamed berkata tidak ada penarikan diri daripada kalangan mereka yang telah mendaftar untuk pertandingan Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO.

Katanya, semua 165 bahagian Umno yang memulakan persidangan perwakilan mereka 12 Julai ini hanya perlu mengesahkan pencalonan senarai nama mereka yang mendaftarkan diri untuk pemilihan parti yang diedarkan ibu pejabat Umno.

Katanya mana-mana bahagian yang mengemukakan pencalonan tidak secara "en bloc" dikira tidak sah.

"Ini selaras dengan keputusan mesyuarat MT semalam yang memutuskan supaya semua persidangan perwakilan bahagian dikehendaki mengesahkan senarai nama calon yang mendaftarkan diri untuk bertanding sahaja," katanya.

Mohamed juga memberi penjelasan kepada para setiausaha bahagian itu mengenai keputusan-keputusan MT pada mesyuaratnya semalam mengenai pemilihan itu termasuk larangan berkempen bagi semua calon.

Katanya larangan itu turut meliputi segala bentuk jamuan, "road show" dan sebagainya yang diadakan semata-mata untuk mendapatkan sokongan.

Bagaimanapun katanya, sebarang usaha memperkenalkan diri yang dibuat secara individu yang tidak melibatkan penggunaan wang adalah dibenarkan.

"Setiap calon hanya perlu mendapat sekurang-kurangnya dua pencalonan bagi melayakkan nama mereka disenaraikan untuk pemilihan," katanya.

Mohamed juga berkata Umno akan mengadakan satu perhimpunan khas untuk meraikan tokoh-tokoh veteran parti itu pada September.

Pada majlis itu UMNO akan menyampaikan dua bentuk anugerah -- Anugerah Tokoh Umno kepada 10 tokoh paling berjasa dan Anugerah Veteran Berjasa kepada 500 penerima.

Bagi tujuan itu beliau mengarahkan bahagian-bahagian UMNO supaya

membuat pencalonan bagi anugerah itu termasuk bekas anggota parlimen, wakil rakyat, ketua bahagian dan cawangan atau tokoh-tokoh lain yang difikirkan layak. -- BERNAMA

SJA HJ NMO